

Jelajah PM ke kementerian bukti tadbir urus lebih telus, inklusif



Oleh Dr Zulayti Zakaria
bhrencana@bh.com.my

Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya (KKR) kelmarin mencatatkan satu pembaharuan dalam pendekatan kepimpinan kerajaan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, hadir dan berueap di hadapan warga kementerian itu.

Kehadiran Anwar memberikan makna besar kerana buat kali pertama seorang Perdana Menteri menjadikan sesi libat urus bulanan sebagai satu siri perjumpaan bergerak merentas kementerian, bukan terhad kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) atau Kementerian Kewangan sahaja.

Secara tradisi, Perdana Menteri lazimnya hadir ke pertemuan bulanan dengan warga JPM memandangkan portfolio beliau bertempat di situ dan menghadiri perhimpunan bersama warga Kementerian Kewangan sewajarnya kerana beliau turut memegang portfolio sebagai Menteri Kewangan.

Justeru, keputusan Perdana Menteri turun ke kementerian lain menandakan satu pembaharuan pentadbiran memecahkan kebiasaan lama dan memperlihatkan komitmen baharu untuk memahami cabaran lapangan secara langsung.

Hakikatnya, libat urus Perdana Menteri bersama penjawat awam bukan perkara baharu dalam pentadbiran MADANI. Sejak awal, Perdana Menteri beberapa kali memilih bertemu secara langsung dengan penjawat awam dalam pelbagai platform rasmi.

Pada tahun ini sahaja sudah banyak majlis besar membabitkan penjawat awam yang dihadiri Perdana Menteri seperti penyampaian amanat penting kepada seluruh perkhidmatan awam pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA XX) pada 15 Ogos lalu yang mana beliau menyentuh isu nilai, etika, integriti dan peranan penjawat awam sebagai tulang belakang negara.

Pada 12 November lalu, beliau hadir dalam Simposium Pembangunan dan Anugerah Pembangunan Negara 2025 untuk menzahirkan penghargaan langsung terhadap sumbangan penjawat awam dalam agenda pembangunan negara.

Pada 7 Disember pula, beliau mengetuai Majlis Penutupan Program Rancangan MADANI Bersama Malaysiaku dan di situ beliau membuat refleksi mendalam terhadap gerak kerja penjawat awam sepanjang tiga tahun pertama pentadbiran MADANI.

Semua ini menunjukkan usaha beliau mendekati jentera kerajaan bukan bersifat bermusim, tetapi satu dasar pentadbiran yang konsisten.

Namun, pertemuan bersama warga KKR kelmarin membuka dimensi baharu dalam cara Perdana Menteri berinteraksi dengan penjawat awam kerana pada setiap bulan, sesi perhimpunan bulanan akan diadakan di kementerian berbeza.

Pendekatan ini menunjukkan kerajaan ingin memastikan setiap kementerian diberi ruang menyuarakan isu pelaksanaan dasar, cabaran projek dan cadangan penambahbaikan secara terus kepada Perdana Menteri tanpa perlu melalui hirarki laporan panjang dan kadangkala melambatkan proses penyelesaian.

Dalam ucapan beliau, Perdana Menteri memberikan penghargaan tinggi kepada warga KKR kerana kementerian ini antara tonggak terpenting dalam menentukan keberhasilan dasar pembangunan negara.

Beliau menegaskan kejayaan projek infrastruktur bukan sekadar soal pembinaan bangunan, jambatan atau jalan raya, tetapi mencerminkan nilai kemanusiaan kerana infrastruktur berkenaan bertujuan memudahkan kehidupan rakyat.

PM beri peringatan

Perdana Menteri memberi peringatan setiap projek tertangguh membawa kesan langsung kepada rakyat, kelewatan sebulan boleh menyebabkan rakyat menderita, kelewatan enam bulan boleh membawa kesengsaraan, manakala kelewatan sehingga 10 bulan boleh mengakibatkan duka lara berpanjangan.

Oleh itu, Perdana Menteri menyampaikan satu ingatan khusus dan tegas kepada warga KKR supaya mengambil tindakan lebih keras terhadap kontraktor sambil lewa atau gagal menyiapkan projek mengikut jadual.

Menurut beliau, kontraktor berulang kali gagal mematuhi jadual pembinaan perlu dikenakan tindakan segera dan tidak wajar dibiarkan sehingga projek selesai sebelum tindakan pemantauan diambil.

Tindakan lebih keras ini penting kerana KKR mengurus ribuan projek di seluruh negara dan

"Pendekatan Perdana Menteri turun ke kementerian membawa makna kerajaan tidak lagi melihat pembangunan daripada lensa Pusat semata-mata tetapi mengikut perspektif lapangan, iaitu tempat di mana dasar benar-benar diuji dan memberi kesan kepada rakyat."

memainkan peranan kritikal bagi memastikan pembangunan nasional berjalan tepat pada masa dan memberikan manfaat segera kepada rakyat.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut menekankan pegawai lapangan sering lebih memahami realiti di bawah berbanding perancang pada peringkat Pusat.

Justeru, beliau meminta Ketua Setiausaha KKR memberi ruang kepada pegawai, termasuk kakitangan sokongan untuk memberikan maklum balas dan cadangan, terutama apabila terdapat keperluan di lapangan yang tidak tercapai dalam perancangan asal.

Beliau memberikan contoh bagaimana projek sekolah diluluskan, namun apabila pegawai turun ke tapak, mereka mendapati jalan masuk ke sekolah dalam keadaan teruk, tetapi tidak termasuk dalam skop projek.

Maklum balas sedemikian perlu diangkat dan diberi pertimbangan kerana ia memastikan dasar dan perancangan pembangunan benar-benar memenuhi keperluan komuniti.

Pertemuan bersama warga KKR jelas menunjukkan kerajaan ingin memulihkan semula semangat perkhidmatan awam sebagai pasukan profesional yang bukan sahaja melaksanakan dasar, tetapi membentuk tulang belakang kemajuan negara.

Pendekatan Perdana Menteri turun ke kementerian membawa makna kerajaan tidak lagi melihat pembangunan daripada lensa Pusat semata-mata, tetapi mengikut perspektif lapangan, iaitu tempat di mana dasar benar-benar diuji dan memberi kesan kepada rakyat.

Lebih penting, langkah Perdana Menteri bertemu warga KKR membentuk satu ekosistem tadbir urus lebih telus, inklusif dan responsif.

Ia mengukuhkan kerjasama antara kepimpinan tertinggi negara dan penjawat awam, membina keyakinan kerajaan bersungguh-sungguh memastikan projek pembangunan disiapkan tepat pada masanya dan berimpak tinggi.

Ini juga menunjukkan pentadbiran Kerajaan MADANI meletakkan rakyat sebagai tumpuan sebenar dalam setiap pembangunan fizikal dan dasar negara.



Warga Kementerian Kerja Raya khusyuk mendengar amanat PM pada perjumpaan di Kuala Lumpur, kelmarin.

(Foto Shafiq Hashim/BH)